



AHLI Pengakap Kelana Siswa dari Universiti Putra Malaysia menghadiri Majlis Perasmian dan Pelancaran Program Advokasi Ilmuwan Majlis Profesor Negara anjuran bersama Kumpulan Utusan dan RTM di Kuala Lumpur, semalam.

- UTUSAN/FAISOL MUSTAFA

ASEAN perlu sedia hadapi pertembungan dua kuasa besar

KUALA LUMPUR 26 Mei - ASEAN perlu meningkatkan perpaduan dalam kalangan negara anggotanya bagi menghadapi cabaran daripada pertembungan dua negara kuasa besar dunia iaitu China dan Amerika Syarikat (AS) yang hendak memperluaskan hegemoni dan pengaruh di rantau ini.

Pensyarah Sekolah Pengajian Antarabangsa Universiti Utara Malaysia (UUM), Prof. Emeritus Dr. Ranjit Singh berkata, pertembungan antara China dan AS yang semakin ketara kebelakangan ini bakal menimbulkan isu politik dan keselamatan kepada ASEAN.


"Kalau kita melihat kejayaan dicapai oleh ASEAN sejak penubuhannya pada 1967 adalah bagaimana kita berjaya mengekalkan keamanan dan keberkecualian walaupun terdapat pertembungan antara dua blok kuasa iaitu barat dan timur pada era perang dingin."

"Sekarang, kita boleh nampak kuasa serantau iaitu China mahukan hegemoni di Asia Pasifik dan Amerika Syarikat juga tidak mau melepaskan hegemoni ini walau pernah ditarik balik dahulu.

"Dengan ASEAN sekarang menuju ke arah status komuniti, ASEAN mesti menguruskan perpaduannya dan isu (pertembungan dua kuasa besar dunia) itu akan menjadi isu yang perlu dikendalikan dengan baik," katanya ketika menjadi ahli panel program Advokasi Ilmuwan Majlis Profesor Negara di Ibu Pejabat Korporat Utusan Melayu (M) Bhd. di sini hari ini.

Program yang bertajuk *Terjaminkah Keselamatan Rantau ASEAN?* itu turut membariskan ahli-ahli panel terdiri daripada Setiausaha Agung MPN, Prof. Dr. Kamaruddin Mohd. Said; Setiausaha Kluster Governans, Perundangan dan Pengurusan Awam MPN, Prof. Dr. Durrishah Idrus dan Ahli Jawatankuasa Kluster Politik, Keselamatan dan Hal Ehwal Antarabangsa MPN, Prof. Dr. Mohd. Kamarulnizam Abdulrah.

Sementara itu menurut Kamaruddin, ASEAN berjaya mengelak daripada pertembungan



Kalau kita melihat kejayaan dicapai oleh ASEAN sejak penubuhannya pada 1967 adalah bagaimana kita berjaya mengekalkan keamanan dan keberkecualian walaupun terdapat pertembungan antara dua blok kuasa iaitu barat dan timur pada era perang dingin."

DR. RANJIT SINGH
Pensyarah Sekolah Pengajian Antarabangsa Universiti Utara Malaysia

kuasa-kuasa besar pada era perang dingin menerusi pengisytiharan konsep Zon Keamanan, Kebebasan dan Keberkecualian (ZOPFAN) pada 1971.

"Walaupun ASEAN sekarang ini mempunyai 10 negara anggota dan 620 juta penduduk, ASEAN boleh sekali lagi tersepit dalam persaingan antara negara-negara kuasa besar di peringkat global.

"Saya cadangkan kita balik kepada dahulu, isytiharkan kembali ASEAN sebagai kawasan bebas dan berkecuali agar kita tidak terlibat dalam perlawanannya kuasa besar dan susun strategi yang sewajarnya," jelasnya.

Mohd. Kamarulnizam pula melihat AS akan datang ke rantau ini bagi melindungi negara-negara sekutunya termasuk Thailand, Filipina dan Singapura sekiranya China bertindak lebih agresif dalam tunutan bertindih wilayah maritim di Laut China Selatan.

"Kita kena kembali kepada perpaduan ASEAN kerana ASEAN tidak mempunyai keupayaan untuk mengawal pengembangan kuasa China, ASEAN hanya ada kuasa diplomasi," katanya.